



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**3 APRIL 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 167 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 368,080 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 301 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 352,705 orang. Manakala 279 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 266 orang di hospital, 12 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan satu (1) orang di pusat tahanan sementara/penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 36 orang merangkumi 30 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 17 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Telupid berubah dari zon jingga ke zon kuning, Kuala Penyu dari zon merah ke zon kuning manakala Nabawan berubah dari zon kuning ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Merah 21 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah jangkitan harian di Sabah kembali berada di bawah paras angka 200 hari ini dengan 167 kes baharu. Ini merupakan penurunan 67 kes berbanding jumlah semalam.
- b. Secara keseluruhan, terdapat tanda-tanda penstabilan di kebanyakan daerah dengan perubahan kes harian pada kadar yang lebih rendah dan terkawal. Kecuali beberapa daerah 'volatile' seperti Kota Kinabalu, Penampang dan Tuaran yang sukar diramal, turun naik kes harian di banyak daerah lain kini agak mudah diramal kerana sudah berada di tahap yang dianggap stabil.
- c. Daerah yang mencatatkan jumlah jangkitan baharu yang tertinggi di Sabah hari ini ialah di Kota Kinabalu dengan 26 kes, 32 kes lebih rendah daripada sebelumnya. Ini diikuti oleh Papar dengan 21 kes (+3), Penampang 17 kes (-1) dan Tuaran 14 kes (-2). Seperti yang telah dinyatakan lebih awal, Kota Kinabalu antara daerah yang sukar untuk meramal pergerakan serta perubahan jumlah kes harian. Kes harian boleh bertukar secara mendadak. Ini mungkin kerana Kota Kinabalu merupakan ibu negeri yang pesat dengan penduduk serta pusat utama aktiviti ekonomi di Sabah.
- d. Adalah diperhatikan bahawa daerah-daerah yg berada jauh daripada pusat bandar besar dengan jumlah penduduk yang kecil merupakan daerah-daerah yang secara konsisten mencatatkan jumlah kes harian yang jauh lebih rendah setiap hari, malah kadang-kadang tanpa mencatat sebarang kes baharu.
- e. Peratusan jangkitan sporadik turun dibawah paras 50% hari ini dengan 43.71%. Peratusan yang lebih rendah bermakna risiko jangkitan juga akan berkurangan dan jumlah jangkitan baharu akan menurun. Tahap pematuhan yang tinggi keatas semua SOP merupakan faktor utama kepada jumlah jangkitan harian yang lebih rendah.

- f. Adalah amat diharapkan 'disiplin tinggi' yang telah ditunjukkan oleh rakyat Sabah akan terus diamalkan walaupun negara kita kini berada dalam fasa peralihan ke fasa endemik. Kunci kejayaan kita menjadikan Sabah antara negeri yang mencatatkan kes harian yang terendah sejak kebelakangan ini ialah tahap pematuhan SOP yang tinggi di kalangan rakyat negeri ini.
- g. Seramai 158 orang daripada 167 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2. Seorang (1) berada dalam Kategori 3, dan empat (4) orang masing-masing dalam Kategori 4 dan Kategori 5.
- h. Selamat menjalani ibadah puasa kepada semua muslimin dan muslimat.

**ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	67	40.12%
3	Bergejala	73	43.71%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	27	16.17%
<b>JUMLAH</b>		<b>167</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (2 April 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 2/04/2022</b>	<b>Catatan Kes 3/04/2022</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Tambunan	1	12	+11
2	Nabawan	0	5	+5
3	Papar	18	21	+3
4	Beluran	0	3	+3
5	Ranau	5	7	+2
6	Kota Marudu	6	8	+2
7	Tenom	2	4	+2
8	Tongod	0	1	+1
3	Sipitang	6	7	+1
10	Putatan	10	10	Mendatar
11	Semporna	1	1	Mendatar
12	Kinabatangan	1	1	Mendatar
13	Kota Kinabalu	58	26	-32
14	Beaufort	18	3	-15
15	Sandakan	22	12	-10
16	Kuala Penyu	7	0	-7
17	Keningau	9	3	-6
18	Tawau	11	5	-6
19	Pitas	6	1	-5
20	Kunak	4	0	-4
21	Kudat	6	2	-4
22	Tuaran	16	14	-2
23	Kota Belud	4	2	-2
24	Telupid	1	0	-1
25	Kalabakan	1	0	-1
26	Penampang	18	17	-1
27	Lahad Datu	3	2	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>234</b>	<b>167</b>	<b>-67</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	8	14	0	4	26	1090
Papar	0	13	8	0	0	21	357
Penampang	0	10	5	0	2	17	415
Tuaran	0	7	5	0	2	14	309
Sandakan	0	2	10	0	0	12	200
Tambunan	0	3	9	0	0	12	93
Putatan	0	6	3	0	1	10	200
Kota Marudu	0	5	3	0	0	8	144
Ranau	0	7	0	0	0	7	89
Sipitang	0	0	6	0	1	7	86
Tawau	0	0	0	0	5	5	111
Nabawan	0	1	1	0	3	5	17
Tenom	0	0	4	0	0	4	72
Keningau	0	1	2	0	0	3	140
Beaufort	0	0	1	0	2	3	180
Beluran	0	3	0	0	0	3	62
Kota Belud	0	0	0	0	2	2	88
Lahad Datu	0	0	0	0	2	2	60
Kudat	0	1	1	0	0	2	80
Pitas	0	0	0	0	1	1	83
Tongod	0	0	1	0	0	1	9
Kinabatangan	0	0	0	0	1	1	47
Semporna	0	0	0	0	1	1	8
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	91
Telupid	0	0	0	0	0	0	18
Kunak	0	0	0	0	0	0	31
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	10
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>67</b>	<b>73</b>	<b>0</b>	<b>27</b>	<b>167</b>	<b>4090</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 2,945 unit.

- Hospital 1,352 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,353 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 9.47%.

## **B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 3 APRIL 2022**

i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	167
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	3
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
<b>Jumlah</b>	<b>167</b>

ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	162
Bukan Malaysia	5
<b>Jumlah</b>	<b>167</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	15
Belum Menerima Vaksin (5-11)	15
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	8
Menerima 1 Dos	14
Lengkap 2 Dos	61
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	54
<b>Jumlah</b>	<b>167</b>

Iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1-4	14
5 -11	29
12-17	9
18-29	31
30-39	36
40-49	19
50-59	12
60-69	9
70-79	2
80-89	5
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>167</b>

**C PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) #REOPENING SAFELY**

- 1 Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (COVID-19) Sabah telah mengambil ketetapan bahawa SOP yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung Prosedur Operasi Standard (SOP) #Reopening Safely oleh Ketua Pengarah Kesihatan berdasarkan Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan)(Pelan Pemulihan Negara)(Fasa Peralihan ke Endemik) 2022 [P.U.(A) 83/2022] berkuat kuasa 01 April 2022 seperti di Lampiran A juga akan dilaksanakan di negeri Sabah.
- 2 Bagi keperluan khusus yang melibatkan Pihak Berkuasa Negeri Sabah, garis panduan / panduan umum akan dikeluarkan dari semasa ke semasa mengambil kira situasi semasa.
- 3 Panduan Kemasukan Ke Sabah Bagi Pengembara Antarabangsa Melalui Udara, Darat Dan Laut yang berkuat kuasa 01 April 2022 telah dikeluarkan melalui Kenyataan Media bertarikh 31 Mac 2022.
- 4 Manakala Garis Panduan Pelaksanaan SOP Aktiviti Masjid dan Surau Bagi Negeri Sabah 2022 berkuat kuasa 01 April 2022 telah dikeluarkan melalui Kenyataan Media tarikh yang sama seperti di Lampiran B.

## **D PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) #REOPENINGSAFELY**

Prosedur Operasi Standard (SOP) MYSOP adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

## **E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 2 April 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,417 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,363 orang adalah penduduk dewasa, 78 orang adalah penduduk remaja dan 976 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 2 April 2022 adalah seramai 2,563,585 orang. Ini meliputi 2,133,114 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.52% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,408,327 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,090,592 orang atau 76.96% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,583 orang atau 78.03% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,997 atau 74.38% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 97,888 atau 23.79% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 739 atau 0.18% orang.

## **F BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **684,837** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 200 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 49 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1962 (MSO 1952)
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,131 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 287 premis perniagaan dan 3, 460 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan 45 di Premis Perniagaan melibatkan 17 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 125 anggota.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 6 Sejumlah 82 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 114 hebahan di seluruh Sabah.

**H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD SEMASA (MYSOP)**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap prosedur operasi standard semasa (MYSOP) pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Semporna	98.7%
2	Kinabatangan	98.7%
3	Kota Marudu	98.6%
4	Kunak	98.6%
5	Kudat	98.5%
6	Beluran	98.5%
7	Kota Belud	98.5%
8	Ranau	98.4%
9	Tawau	98.3%
10	Tenom	98.3%
11	Kota Kinabalu	98.3%
12	Sipitang	98.3%
13	Lahad Datu	98.3%
14	Keningau	98.2%
15	Sandakan	98.2%
16	Beaufort	98.2%
17	Tuaran	98.2%
18	Papar	98.1%
19	Penampang	98.1%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**



# Prosedur Operasi Standard (SOP) #ReopeningSafely

1 April 2022



## Arahan Tetap

- Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]
- Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke Endemik) 2022 [P.U.(A) 83/2022]
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa

1. Prosedur Operasi Standard (SOP) ini telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan menurut Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke Endemik) 2022 [P.U.(A) 83/2022]. SOP ini hendaklah dipatuhi oleh semua individu di seluruh Malaysia dan mula berkuat kuasa pada 1 April 2022.
2. SOP ini menetapkan keperluan wajib untuk menjalankan aktiviti-aktiviti harian. Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis, Pekerja dan Individu hendaklah sentiasa mematuhi SOP semasa menjalankan atau menyertai aktiviti di premis yang berkenaan termasuk kawasan terbuka, ruang tertutup atau di dalam kenderaan. Definisi adalah seperti berikut:

**A)  
Pihak Ber-  
tanggungjawab  
Ke Atas Premis**

- Pihak bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan premis atau aktiviti yang dijalankan termasuk pemilik/ pemunya/ penghuni, pemegang pendaftaran/ lesen/ permit beroperasi, operator premis, syarikat, peniaga, majikan, pertubuhan, persatuan, pengurusan rumah ibadat (termasuk masjid dan surau), penganjur, pengatur acara atau tuan rumah untuk kediaman persendirian.

**B) Pekerja**

- Orang yang digajikan atau ditugaskan oleh Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis untuk menjalankan sesuatu kerja atau tugas tertentu termasuk kakitangan, tenaga pengajar, penyedia perkhidmatan pihak ketiga, marsyal/ pengelola/ kru di acara sukan atau hiburan atau sukarelawan.

**C) Individu**

- Orang yang hadir di premis atau menjalankan aktiviti termasuk pelanggan, pengunjung, penonton, penganut, ibu bapa, murid, pelajar, pelatih atau peserta;
- Ibu bapa atau penjaga hendaklah bertanggungjawab terhadap tanggungan masing-masing (contoh: individu di bawah 18 tahun, warga emas, individu kurang upaya dan berkeperluan khas);
- Majikan langsung atau majikan utama atau kedua-duanya; dan
- Pengembara dari luar negara sama ada individu warganegara atau bukan warganegara yang memasuki Malaysia, melalui laluan udara, laut dan darat. Pengembara juga hendaklah mematuhi semua akta, peraturan dan SOP berkaitan keperluan pengembara sebelum berlepas ke Malaysia, semasa ketibaan di Malaysia dan semasa berada di Malaysia.

## Arahan Tetap

3. Keperluan Umum dan Tambahan dalam SOP ini hendaklah dipatuhi oleh Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis, Pekerja dan Individu yang berkaitan melainkan dengan pengecualian tertentu yang telah diberikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.
4. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan SOP ini atau mana-mana arahan Ketua Pengarah Kesihatan atau seseorang pegawai diberi kuasa di bawah *Akta 342*, apabila disabitkan, boleh didenda atau dipenjarakan atau kedua-duanya. Pengisytiharan maklumat palsu yang dibuat oleh Individu adalah satu kesalahan di bawah seksyen 22.(d) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] dan jika sabit kesalahan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.
5. Jika sesuatu pertubuhan perbadanan (syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain) melakukan suatu kesalahan di bawah SOP ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha syarikat atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian:
  - a. Boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
  - b. Jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan:
    - i. Bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
    - ii. Bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.
6. Mana-mana Pekerja dan Individu secara amnya mesti memahami syarat kehadiran di premis atau penyertaan aktiviti-aktiviti tertentu serta akur kepada arahan Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis semasa berada di premis di mana aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan.
7. Bagi kawasan/ lokaliti yang dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), SOP PKPD di kawasan/ lokaliti berkenaan adalah berkuat kuasa sehingga tarikh tamat PKPD tersebut.

Selain daripada SOP ini, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk sentiasa mematuhi undang-undang, ketetapan dan lain-lain arahan yang berkuat kuasa atau dikeluarkan oleh Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa.

## Kategori aktiviti

Aktiviti-aktiviti di bawah tertakluk kepada bidang kuasa Kementerian, jabatan dan agensi berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri.

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Aktiviti</b>
1	Pengangkutan dan Perjalanan
2	Pendidikan dan Penjagaan
3	Aktiviti Peruncitan, Makanan dan Minuman
4	Ruang Kerja Tertutup
5	Kawasan Kerja Terbuka
6	Acara, Majlis, Hiburan dan Tarikan Pelancong
7	Hotel dan Penginapan Tetamu
8	Keagamaan, Perkahwinan dan Pengebumian
9	Aktiviti dan Fasiliti Sukan, Rekreasi & Riadah

Semua sektor dan aktiviti dibenarkan kecuali perkara-perkara yang diumumkan sebagai '*Negative List*' oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

<b>Bil.</b>	<b>Perkara-perkara yang Tidak Dibenarkan</b>
1	Aktiviti di Kelab Malam

## KEPERLUAN UMUM

	Muka Surat
1. Waktu Beroperasi	5
2. Pemeriksaan dan Pendaftaran Kemasukan	5
3. Pelitup Muka	6
4. Penjarakan Fizikal	7
5. Pengudaraan	7
6. Kebersihan Tangan	7
7. Pembersihan Premis	8
8. Ujian Pengesanan COVID-19	8
9. Pengurusan Kes	8

## Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
1. Waktu Beroperasi	<p><b><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></b></p> <p>i. Beroperasi mengikut syarat lesen dan permit Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).</p>
	<p><b><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></b></p> <p>i. Menyediakan kemudahan Kod QR MySejahtera untuk pendaftaran kemasukan:</p> <p>a. Memastikan Pekerja dan Individu menggunakan aplikasi MySejahtera untuk mengimbas Kod QR apabila memasuki premis atau menyertai aktiviti; dan</p> <p>b. Memastikan Pekerja dan Individu dengan status MySejahtera 'Risiko Rendah' sahaja dibenarkan masuk ke premis atau menjalankan aktiviti.</p>
2. Pemeriksaan dan Pendaftaran Kemasukan <sup>1,2</sup>	<p><b><u>B) Pekerja dan C) Individu:</u></b></p> <p>i. Mengimbas Kod QR MySejahtera apabila memasuki premis atau menyertai aktiviti.</p>
	<p>Nota: <sup>1</sup> Pengecualian pemeriksaan dan pendaftaran kemasukan hanya untuk kawasan yang meliputi tiga (3) kriteria, iaitu kawasan terbuka, tidak sesak dan tiada perhimpunan orang ramai (seperti kawasan rekreasi).</p> <p><sup>2</sup> Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis diwajibkan menyediakan kemudahan Kod QR MySejahtera di pintu atau jalan masuk utama premis seperti pusat membeli belah, pasaraya, pasar borong, pasar malam/ bazaar dan sebagainya. Kedai, gerai atau kiosk yang berada dalam premis seperti pusat membeli belah, pasaraya, pasar borong, pasar malam/ bazaar dan sebagainya tidak menyediakan kod QR MySejahtera.</p>

## Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
<b>3. Pelitup Muka<sup>1</sup></b>	<b><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></b> i. Memastikan Pekerja dan Individu sentiasa memakai pelitup muka semasa di premis atau menyertai aktiviti.
	<b><u>B) Pekerja dan C) Individu:</u></b> i. Memakai pelitup muka pada setiap masa apabila ada kehadiran individu lain.
	<b>Nota:</b> <sup>1</sup> Pengecualian pemakaian pelitup muka hanya dibenarkan dalam keadaan berikut: <ul style="list-style-type: none"><li>- Penghuni di kediaman sendiri, bilik hotel, bilik di tempat penginapan, di tempat dan kemudahan awam yang tidak melibatkan interaksi dengan individu lain;</li><li>- Ruang kerja bersendirian;</li><li>- Aktiviti sukan, rekreasi dan riadah;</li><li>- Kenderaan persendirian tidak termasuk <i>e-hailing</i>;</li><li>- Sewaktu makan dan minum;</li><li>- Aktiviti persembahan (menyanyi, menari, berlakon, berceramah);</li><li>- Kanak-kanak berusia lima (5) tahun dan ke bawah;</li><li>- Individu berkeperluan khas (Orang Kurang Upaya tertentu seperti Individu dengan <i>Cerebral Palsy</i> atau <i>Autism</i>); atau</li><li>- Individu mempunyai masalah pernafasan (dengan syarat mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar).</li></ul>

## Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
4. Penjarakan Fizikal <sup>1</sup>	<p><b>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</b></p> <p>i. Memantau dan memastikan Pekerja serta Individu sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter antara satu sama lain sekiranya boleh, semasa berada di premis atau semasa menyertai aktiviti.</p>
	<p><b>B) Pekerja dan C) Individu:</b></p> <p>i. Memamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter antara satu sama lain, sekiranya boleh.</p> <p>Nota: <sup>1</sup> Pengecualian penjarakan fizikal dibenarkan bagi aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan.  <sup>2</sup> Pengecualian penjarakan fizikal dibenarkan dengan mengekalkan pemakaian pelitup muka untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pergerakan individu, pengangkutan barangan dan pengangkutan awam bagi semua jenis kenderaan; dan</li> <li>- Solat jemaah di masjid atau surau dan sembahyang di Rumah Ibadat Selain Islam<sup>3,4</sup>.</li> </ul> <p><sup>3</sup> Penjarakan fizikal masih dikekalkan dengan pemakaian pelitup muka sebelum dan selepas solat berjemaah serta semasa menjalankan aktiviti-aktiviti lain di masjid atau surau. Pengecualian penjarakan fizikal semasa solat jemaah di masjid atau surau tertakluk kepada Jabatan Agama Islam Negeri.</p> <p><sup>4</sup> Penjarakan fizikal masih dikekalkan dengan pemakaian pelitup muka untuk aktiviti-aktiviti lain di Rumah Ibadat Selain Islam. Pengecualian penjarakan fizikal semasa sembahyang di rumah ibadat selain Islam tertakluk kepada Kementerian Perpaduan Negara atau Unit Hal Ehwal Agama-Agama lain (UNIFOR).</p>
5. Pengudaraan	<p><b>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</b></p> <p>i. Memastikan premis terutamanya di ruang tertutup mempunyai pengudaraan dan sistem ventilasi yang baik mengikut Garis Panduan Pengudaraan Dan Kualiti Udara Dalaman, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)<sup>1</sup>.</p> <p>Nota: <sup>1</sup> Sila rujuk <a href="https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/guidance-note-on-indoor-air-quality-iaq-during-covid-19-pandemic">Garis Panduan Pengudaraan dan Kualiti Udara Dalaman JKPP di https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/guidance-note-on-indoor-air-quality-iaq-during-covid-19-pandemic</a></p>
6. Kebersihan Tangan	<p><b>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</b></p> <p>i. Menyediakan kemudahan untuk membasuh tangan dengan sabun dan air atau <i>hand sanitiser</i> di tempat bersesuaian dan strategik.</p>

## Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
<b>7. Pembersihan Premis</b>	<p><b>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan proses pembersihan secara berkala (sekurang-kurangnya sekali sehari) terutamanya di kawasan umum atau peralatan dan permukaan sering disentuh; dan</li> <li>ii. Memastikan proses pembersihan direkod untuk diperiksa.</li> </ul>
<b>8. Ujian Pengesanan COVID-19</b> (Berdasarkan dan tertakluk kepada Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (NTS))	<p><b>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mematuhi keperluan ujian COVID-19 mengikut NTS<sup>1</sup> untuk Pekerja dan Individu.</li> </ul> <p><b>B) Pekerja dan C) Individu:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mematuhi keperluan ujian COVID-19 mengikut NTS<sup>1</sup>; dan</li> <li>ii. Melaporkan keputusan ujian di aplikasi MySejahtera.</li> </ul> <p>Nota: <sup>1</sup> Sila rujuk <a href="https://covid-19.moh.gov.my/reopeningsafely/nts">Garis Panduan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (NTS) KKM</a> di <a href="https://covid-19.moh.gov.my/reopeningsafely/nts">https://covid-19.moh.gov.my/reopeningsafely/nts</a></p>
<b>9A. Pengurusan Individu Bergejala, Kes Disahkan COVID-19 Dan Kontak Rapat</b>	<p><b>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan protokol kesihatan dan keselamatan serta menguruskan individu bergejala, kes disahkan COVID-19 dan kontak rapat berdasarkan <i>COVID-19 Management Guidelines for Workplaces</i>, KKM (Annex 25)<sup>1</sup>;</li> <li>ii. Menjalankan proses pembersihan dan disinfeksi berdasarkan Garis Panduan Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam, KKM (Annex 36)<sup>1</sup>;</li> <li>iii. Membiayai kos ujian saringan sekiranya Pekerja bergejala semasa di premis atau di lokasi aktiviti, kos pembersihan dan disinfeksi di premis;</li> <li>iv. Majikan perlu menanggung kos pengasingan kes COVID-19 dan kuarantin kontak rapat. Bagi penjawat awam, tertakluk kepada pekeliling kerajaan dari semasa ke semasa; dan</li> <li>v. Menerima pakai digital Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) untuk Pekerja yang disyaki atau disahkan COVID-19 sebagai pembuktian Pekerja menjalani pengasingan atau kuarantin.</li> <li>vi. Jika didapati berlaku kluster kes COVID-19 di sesebuah premis, laporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran dengan segera.</li> </ul> <p><b>B) Pekerja dan C) Individu:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaporkan keputusan ujian dalam aplikasi MySejahtera sekiranya positif COVID-19; dan</li> <li>ii. Menjalani pengasingan sendiri berdasarkan ketetapan KKM<sup>2</sup>.</li> <li>iii. Pekerja atau Individu kontak rapat perlu menjalani kuarantin wajib berdasarkan polisi semasa KKM<sup>2</sup> dan jalani ujian pengesanan COVID-19 sekiranya bergejala.</li> </ul> <p>Nota: <sup>1</sup> Sila rujuk <a href="#">garis panduan COVID-19 KKM (Annex 25 dan Annex 36)</a> <sup>2</sup> Sila rujuk <a href="#">Protokol Kesihatan COVID-19 KKM</a></p>

## Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
<b>9B. Pengurusan Pengembara Dari Luar Negara<sup>1</sup></b>	<b><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></b> i. Memaklumkan syarat keperluan pengembara melalui cara komunikasi yang bersesuaian.
	<b><u>B) Pekerja:</u></b> i. Memastikan pengembara yang akan menaiki pengangkutan udara, laut dan darat ke Malaysia memaparkan <i>Travellers Card</i> dalam aplikasi MySejahtera yang menunjukkan pengembara telah: a. Mengisi borang pra-perlepasan; dan b. Memuat naik dokumen-dokumen berkaitan (sijil vaksinasi (jika ada) dan keputusan ujian RT-PCR <sup>2,3</sup> . ii. Memastikan hanya pengembara dengan keputusan negatif ujian RT-PCR yang dibuat dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas sahaja yang dibenarkan menaiki pengangkutan udara, laut dan darat ke Malaysia <sup>2,3</sup> .
	<b><u>C) Individu:</u></b> i. Dikehendaki melengkapkan perkara-perkara berikut sebelum berlepas ke Malaysia (contoh: sebelum menaiki pesawat/ semasa di luar negara): a. Jalani ujian RT-PCR dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas <sup>2,3</sup> ; b. Memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera; c. Melengkapkan borang pra-perlepasan di ikon 'Pelancong' dalam MySejahtera, termasuk maklumat vaksinasi serta memuat naik sijil vaksinasi (jika ada) dan keputusan ujian RT-PCR <sup>2,3</sup> ; dan d. Bagi pengembara bukan warganegara Malaysia <sup>4</sup> , hendaklah dilindungi oleh insurans COVID-19 dengan kadar minimum perlindungan insurans sebanyak USD20,000.
	<p>Nota: <sup>1</sup> Bagi keperluan khusus pengembara (keperluan selain protokol di atas) antara Malaysia dan negara lain, ia tertakluk kepada perjanjian antara kedua-dua negara dan sila rujuk Garis Panduan Pengangkutan dan Perjalanan.</p> <p><sup>2</sup> Kanak-kanak berusia enam (6) tahun dan ke bawah tidak perlu menjalani ujian pra-perlepasan dan ujian ketibaan.</p> <p><sup>3</sup> Bagi individu dalam tempoh enam (6) ke 60 hari selepas dijangkiti COVID-19, menjalani ujian RTK Antigen (RTK-Ag) profesional dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas.</p> <p><sup>4</sup> Dikecualikan untuk pemegang Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang/ Pegawai Dagang/ Pelajar/ Penggajian/ Residen, pemastautin tetap, pasangan bukan warganegara kepada warganegara Malaysia dan anak-anak mereka, pekerja asing termasuk pembantu rumah, <i>Malaysia My Second Home</i> (MM2H) dengan tempoh keberadaannya di Malaysia melebihi tiga (3) bulan.</p>

## Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
<b>9B. Pengurusan Pengembara Dari Luar Negara<sup>1</sup></b>	<b>C) Individu:</b>
	<ul style="list-style-type: none"><li>ii. Dikehendaki melakukan perkara-perkara berikut semasa ketibaan di Malaysia:<ul style="list-style-type: none"><li>a. Membawa bersama maklumat-maklumat yang diperlukan sebagai bukti atau memuat naik dalam MySejahtera untuk semakan; dan</li><li>b. Melalui saringan demam dengan imbasan <i>thermal scanner</i> atau rujukan sendiri kepada petugas kesihatan sekiranya bergejala untuk pemeriksaan lanjut di kaunter kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).</li></ul></li><li>iii. Dikehendaki melakukan perkara-perkara berikut semasa/ selepas ketibaan di Malaysia:<ul style="list-style-type: none"><li>a. Jalani ujian RTK-Ag profesional di fasiliti kesihatan swasta dalam tempoh 24 jam dari masa ketibaan<sup>2</sup>.</li></ul></li><li>iv. Bagi pengembara yang tidak lengkap divaksin/ tidak menerima vaksin, memastikan perkara-perkara berikut dilakukan dengan pematuhan prosedur-prosedur berkaitan:<ul style="list-style-type: none"><li>a. Jalani kuarantin wajib (Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di bawah Akta 342) di rumah/ hotel/ tempat penginapan selama lima (5) hari;</li><li>b. Isi borang penilaian status kesihatan sendiri (HAT) setiap hari dalam MySejahtera; dan</li><li>c. Jalani ujian RT-PCR (hari ke-4) atau ujian RTK-Ag profesional (hari ke-5).</li></ul></li><li>v. Bagi pengembara berulang-alik secara harian/ kerap melalui sempadan darat perlu mematuhi prosedur yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pengangkutan dan Perjalanan.</li></ul>
	<p>Nota: <sup>1</sup> Bagi keperluan khusus pengembara (keperluan selain protokol di atas) antara Malaysia dan negara lain, ia tertakluk kepada perjanjian antara kedua-dua negara dan sila rujuk Garis Panduan Pengangkutan dan Perjalanan.</p> <p><sup>2</sup> Kanak-kanak berusia enam (6) tahun dan ke bawah tidak perlu menjalani ujian pra-perlepasan dan ujian ketibaan.</p>

## KEPERLUAN TAMBAHAN

### 1. Keperluan Vaksinasi

Muka Surat

12 – 14



## 1. Keperluan Vaksinasi (1/3)

Seseorang individu perlu memenuhi syarat berikut untuk dianggap sebagai vaksinasi lengkap:

Status Vaksinasi Lengkap <sup>1,2</sup>						
Jenis Vaksin	Jumlah Suntikan Yang Perlu Diterima Mengikut Status Vaksinasi					Tempoh Efektif Status Vaksinasi Selepas Suntikan Terakhir
	Dos Primer Lengkap	Individu		Pengembara		
		Vaksinasi Lengkap (mengikut umur)		Vaksinasi Lengkap (mengikut umur)		
		18-<60 tahun	60 tahun dan ke atas	18-<60 tahun	60 tahun dan ke atas	
• CoronaVac (Sinovac) • Covilo (Sinopharm)	2 dos	3 dos	3 dos	3 dos	3 dos	Suntikan dos primer: 14 hari  Suntikan dos penggalak: Selepas suntikan diterima
• Comirnaty (Pfizer-BioNTech) • COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca) • Spikevax (Moderna)	2 dos	2 dos	3 dos	2 dos	3 dos	
• COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) • Convidecia (CanSino)	1 dos	1 dos	2 dos	1 dos	2 dos	
• Semua jenis vaksin lain	Mengikut kelulusan pihak berkuasa negara pengeluar					

Nota: <sup>1</sup> Senarai jenis, jenama vaksin dan definisi vaksinasi lengkap di atas tertakluk kepada pengiktirafan KKM dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Untuk vaksin lain yang diiktiraf oleh Penyenaraian Penggunaan Kecemasan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organisation's Emergency Use Listing*), definisi vaksinasi lengkap tertakluk kepada pengiktirafan WHO, pihak berkuasa antarabangsa dan negara asal (senarai jenis dan jenama vaksin ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa).

<sup>2</sup> Semua penerima vaksin Sinovac dan Sinopharm berusia 18 tahun dan ke atas serta penerima semua jenis vaksin dos primer berusia 60 tahun dan ke atas akan kehilangan status Vaksinasi Lengkap dalam aplikasi MySejahtera mereka sekiranya masih belum menerima dos penggalak bermula 1 April 2022. Namun maklumat sejarah vaksin primer yang terdapat dalam aplikasi MySejahtera masih kekal<sup>3</sup>.

<sup>3</sup> Bagi kumpulan individu yang dinyatakan di atas <sup>(2)</sup>, mereka masih boleh melakukan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan ke atas individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dos primer.

## 1. Keperluan Vaksinasi (2/3)

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
1. Keperluan Vaksinasi	<p><b>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis<sup>1</sup>:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Memaklumkan syarat status Vaksinasi Lengkap kepada Individu termasuk pengembara melalui cara komunikasi yang bersesuaian;</li><li>ii. Menyemak kad/ sijil digital vaksinasi di aplikasi MySejahtera bagi setiap Pekerja/ Individu yang memerlukan status Vaksinasi Lengkap sebagai syarat aktiviti;</li><li>iii. Memastikan Individu termasuk pengembara yang tidak layak divaksin atas sebab kesihatan perlu mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar; dan</li><li>iv. Membenarkan Individu termasuk pengembara dengan status vaksinasi lengkap membawa anak-anak berusia 12 tahun dan ke bawah dengan mematuhi protokol kesihatan umum.</li></ul>
	<p><b>B) Individu:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Status Dos Primer Lengkap adalah ditetapkan sebagai pra-syarat bagi Individu yang menghadiri atau melakukan aktiviti termasuk yang melibatkan perhimpunan ramai dan sukar untuk Individu mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter sekiranya boleh;</li><li>ii. Walau bagaimanapun Individu yang tidak lengkap vaksinasi dos primer atau belum menerima vaksinasi hanya dibenarkan menghadiri atau melakukan aktiviti penting (<i>essential</i>) seperti berikut:<ul style="list-style-type: none"><li>a. Membeli makanan, minuman dan keperluan asas;</li><li>b. Menginap di hotel, tempat penginapan tetamu dan <i>homestay</i>;</li><li>c. Mendapatkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan termasuk makmal dan farmasi;</li><li>d. Menghadiri aktiviti melibatkan kerjaya dan kesinambungan hidup termasuk persekolahan, peperiksaan, kursus-kursus berkaitan kerjaya, bekerja dan temuduga;</li><li>e. Perbankan termasuk pajak gadai;</li><li>f. Nikah, pendaftaran perkahwinan dan cerai;</li><li>g. Aktiviti sukan dan rekreasi tidak bersentuhan di kawasan terbuka;</li><li>h. Menaiki pengangkutan melalui udara, laut atau darat termasuk merentas negeri di Malaysia; dan</li><li>i. Lain-lain aktiviti yang melibatkan situasi kecemasan seperti berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara.</li></ul></li></ul> <p>Nota: <sup>1</sup> Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis boleh menetapkan lain-lain syarat dan keperluan tambahan bagi melindungi pekerja, pelanggan dan pengunjung premis masing-masing.</p>

## 1. Keperluan Vaksinasi (3/3)

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
1. Keperluan Vaksinasi	<p><b>B) Individu:</b></p> <p>iii. Status Vaksinasi Lengkap bagi pengembara adalah ditetapkan sebagai prasyarat bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a. Pengembara yang memasuki Malaysia dari luar negara<sup>1,2</sup>;</li><li>b. Pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di institusi pendidikan di Malaysia;</li><li>c. Pekerja asing yang dibawa masuk ke Malaysia menggunakan Pas Lawatan Pekerja Sementara (PLKS) dan Pembantu Rumah Asing (PRA);</li><li>d. Jemaah umrah dan haji, serta perlu mengambil dos penggalak bagi yang berusia 18 tahun dan ke atas<sup>3</sup>; dan</li><li>e. Penduduk tempatan, pemastautin tetap, ekspatriat, rakyat Malaysia yang bekerja atau belajar di luar negara dan lain-lain, yang mengembara ke luar negara dan kembali ke Malaysia.</li></ul> <hr/> <p>Nota: <sup>1</sup> Pengembara yang tidak lengkap vaksinasi perlu menjalani kuarantin wajib. <sup>2</sup> Pengembara yang ingin memasuki premis-premis yang mempunyai syarat status Vaksinasi Lengkap perlu menerima vaksin mengikut jadual yang telah ditetapkan. <sup>3</sup> Walaupun Kerajaan Arab Saudi tidak mewajibkan dos penggalak kepada jemaah umrah dan haji tetapi Kerajaan Malaysia menetapkan keperluan ini adalah bagi melindungi jemaah daripada mendapat gejala teruk akibat jangkitan COVID-19 kerana risiko jangkitan yang tinggi di perhimpunan ramai di Tanah Suci. Jemaah berusia 18 tahun ke bawah tidak tertakluk kepada keperluan ini sekiranya mengerjakan umrah bersama ahli keluarga yang lengkap vaksinasi dan dos penggalak.</p>



## KAWALAN VERSI

TARIKH	VERSI	KEMASKINI	BAHAGIAN
01.04.22	1.0	N/A	N/A



# MYSOP

Dokumen ini telah disediakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)  
dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

---

## HUBUNGI KAMI

### **Majlis Keselamatan Negara**

webmaster@mkn.gov.my | 03-8888 2010 | www.mkn.gov.my

### **Kementerian Kesihatan Malaysia**

cprc@moh.gov.my | 03-7723 9300 | www.moh.gov.my

### **Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

projkkp@moh.gov.my | 03 8886 5343 | www.dosh.gov.my

Untuk maklumat lanjut sila layari:

Portal MKN: <https://www.mkn.gov.my/>

Portal MySOP: <https://www.mysop.gov.my/>

Portal Protokol Kesihatan COVID-19 KKM: <https://covidprotocol.moh.gov.my/>

---

## #ReopeningSafely